

# BIJAK MEMBANTU ELAK TERTIPU

Ihsan: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنْفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ

شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾ (Surah At-Tahrim, ayat 6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada hari Jumaat yang penuh berkat dan di dalam rumah ALLAH SWT yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat yang menjadi tetamu Allah sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, umat contoh dan memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **BIJAK MEMBANTU ELAK TERTIPU** (Sedekah membawa barakah).

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Islam menggesa umatnya agar sentiasa berusaha dan terus berikhtiar untuk mencari keredhaan Allah SWT dalam setiap aspek kehidupan dengan memperbanyakkan amalan-amalan kebajikan. Satu daripada himpunan amalan-amalan yang mulia dianjurkan ialah bersedekah.

Kita digalak memperbanyakkan sedekah kerana dengan bersedekah dapat mengikis sifat bakhil dan mendatangkan pahala pada orang yang bersedekah itu.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran, ayat :92.

لَنْ تَأْكُلُوا أَلْبَرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: "Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai, dan apa saja yang kamu nafkahkan Maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya."

Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW juga amat menggalakkan umatnya supaya memperbanyakkan sedekah jariah sebagaimana Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang bermaksud: "Apabila matinya seseorang anak Adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkannya dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibubapanya." (Hadith Riwayat Muslim)

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar dan dapat melihat, betapa sikap murah hati rakyat Malaysia yang suka bersedekah terutamanya pada hari Jumaat apatah lagi disepanjang bulan Ramadan Al-Mubarak. Sikap ini secara tidak langsung telah mengundang satu fenomena gejala sosial yang tidak sihat iaitu kebanjiran pengemis-pengemis termasuklah dalam kalangan pengemis warga asing yang menjadikan Malaysia sebagai lubang untuk mereka mendapatkan wang secara mudah. Pelbagai kaedah dan helah digunakan bagi meraih simpati dari orang ramai supaya memberi sumbangan.

Malah diperkatakan bahawa terdapat juga aktiviti pengemisan yang didalangi oleh sindiket tertentu dengan menjadikan individu-individu yang lemah seperti kanak-kanak, wanita, OKU dan warga emas sebagai pengemis. Sindiket ini mengambil peluang ke atas golongan yang lemah ini bagi meraih simpati mudah orang ramai untuk memberi sumbangan dan akhirnya berupaya mendapat keuntungan lumayan dengan pelbagai taktik untuk menipu orang ramai melalui aktiviti mengemis atau meminta minta dari orang ramai.

Ada di kalangan pengemis ini mampu meraih hasil pendapatan harian yang agak lumayan tanpa perlu bekerja keras, hanya menghulurkan tangan, kole atau mangkuk; dengan riak wajah yang murung dan berpakaian lusuh, penampilan kecacatan yang dibuat-buat (kerana mereka sebenarnya tidak cacat) maka mereka boleh mendapat wang secara mudah.

Dengan hasil mengemis yang lumayan itu, maka tidak dinafikan bahawa terdapat antara pengemis ini sebenarnya termasuk dalam kategori pengemis kaya, malah hidup lebih senang dan harta yang banyak berbanding orang-orang yang setiap hari memberi sumbangan atau derma itu. Maka dengan itu sewajarnya kita perlu khuatir dan curiga terhadap pengemis yang suka meminta-minta kerana setiap kesilapan dalam memberi sumbangan, maka niat kita untuk membantu menjadi sia-sia.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Mengikut Akta Orang Orang Papa 1977, mengemis ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah, berpura-pura menyanyi, bermain, berlakon, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya.

Mengemis adalah merupakan satu kaedah memperolehi wang secara mudah dan tidak sah di sisi undang-undang negara ini. Perbuatan mengemis atau meminta-minta juga adalah dilarang oleh Islam. Ini kerana sikap sedemikian akan menyebabkan seseorang manusia malas untuk berdikari bagi mencari nafkah yang halal. Manakala bagi pengemis dalam kalangan *penagih dan kaki botol* maka sudah pasti wang hasil sumbangan orang ramai akan digunakan bagi membeli dadah, arak atau bahan-bahan terlarang lain yang bagi memenuhi keperluan ketagihan mereka.

Rasulullah SAW telah menegaskan bahwa orang yang meminta-minta tanpa mahu berusaha adalah antara golongan yang dicela.

Hadith riwayat Abdullah bin Umar RA berkata: Nabi SAW bersabda:

مَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَسْأَلُ النَّاسَ حَتَّى يَأْتِيَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَيْسَ فِي وَجْهِهِ مِزْعَةٌ لَح

Bermaksud: “Terus-menerus seseorang itu suka meminta-minta kepada orang lain hingga pada hari kiamat dia datang dalam keadaan di wajahnya tidak ada sepotong daging pun.” (Riwayat . Al-Bukhari no. 1474 dan Muslim no. 1725)

Meminta-minta sumbangan atau mengemis pada dasarnya tidak disyari’atkan dalam agama Islam. Bahkan jika melakukannya dengan cara menipu atau berdusta kepada orang ramai atau pihak tertentu yang diminta sumbangan dengan cara menampakkan dirinya seakan-akan dia adalah orang yang sedang kesulitan ekonomi, atau sangat mengharapkan pembiayaan atau perawatan keluarganya yang sakit, atau untuk membiayai kegiatan tertentu, maka hukumnya **haram dan berdosa** apatah lagi apabila ada golongan yang mengambil kesempatan memperlakikan atas nama rumah anak-anak yatim dan bersandarkan atas nama agama Islam untuk memohon derma atau sumbangan dari orang ramai.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah RA ia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكْثُرًا فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا فَلَيْسَتْ قِلٌّ أَوْ لَيْسَتْ كَثْرٌ

Bermaksud: “Barang siapa meminta-minta kepada manusia harta mereka untuk memperbanyak hartanya, maka sesungguhnya dia hanyalah sedang meminta bara api. Maka hendaknya dia mempersedikit atau memperbanyak.”

Diriwayatkan dari Hubsyi bin Junaadah RA , ia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَأَلَ مِنْ غَيْرِ فُقْرٍ فَكَأَنَّمَا يَأْكُلُ الْجَمْرَ

Bermaksud: “Barang siapa meminta-minta kepada orang lain tanpa adanya keperluan mendesak, maka seolah-olah ia memakan bara api.”

Disebutkan dalam sebuah Hadith bahawa di sana terdapat beberapa keadaan yang membolehkan seseorang untuk mengemis atau meminta-minta sumbangan. Di antara keadaan-keadaan tersebut ialah:

- (1) Ketika seseorang menanggung beban diyat (denda) atau pelunasan hutang orang lain, ia boleh meminta-minta sampai ia melunasinya, kemudian berhenti.
- (2) Ketika seseorang ditimpa musibah yang menghabiskan seluruh hartanya, ia boleh meminta-minta sampai ia mendapatkan sandaran hidup.
- (3) Ketika seseorang tertimpa kefakiran yang sangat sehingga disaksikan oleh 3 orang berakal cerdas dari kaumnya bahwa dia tertimpa kefakiran, maka halal baginya meminta-minta sampai dia mendapatkan penegak bagi kehidupannya.

Dalam tiga keadaan ini seseorang diperbolehkan untuk meminta-minta sumbangan atau mengemis. Hal ini berdasarkan apa yang diriwayatkan dari Sahabat Qabishah bin Mukhariq Al-Hilali radhiyallahu 'anhu, ia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud: *“Wahai Qabishah! Sesungguhnya meminta-minta itu tidak halal, kecuali bagi salah satu dari tiga orang: Seseorang yang menanggung beban (hutang orang lain, diyat/denda), ia boleh meminta-minta sampai ia melunasinya, kemudian berhenti. Dan seseorang yang ditimpa musibah yang menghabiskan hartanya, ia boleh meminta-minta sampai ia mendapatkan sandaran hidup. Dan seseorang yang ditimpa kesengsaraan hidup sehingga ada tiga orang yang berakal dari kaumnya mengatakan, ‘Si fulan telah ditimpa kesengsaraan hidup,’ ia boleh meminta-minta sampai mendapatkan sandaran hidup. Meminta-minta selain untuk ketiga hal itu, wahai Qabishah! Adalah haram, dan orang yang memakannya adalah memakan yang haram”*. (HR. Abu Daud; No. 1398; At-Tirmizi; No. 590; Ibnu Majah; No. 2198).

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, sepanjang tahun 2013 sebanyak 127 Operasi Bersepadu dan 860 Operasi Berjadual telah dijalankan dan menyelamatkan seramai 1,048 orang papa (pengemis) yang terdiri dari 854 orang rakyat tempatan dan 194 orang warga asing. Manakala sepanjang tahun 2014 seramai 1469 orang pengemis diselamatkan yang terdiri dari 1088 pengemis tempatan dan 381 pengemis warga asing melalui 122 Operasi Bersepadu dan 906 Operasi Berjadual.

Angka ini terus memperlihatkan peningkatan kerana sepanjang tahun 2015 sebanyak 1527 orang pengemis yang meliputi 1115 orang rakyat tempatan dan 412 orang warga asing terlibat dalam aktiviti pengemisan dan diselamatkan diseluruh negara. Mereka yang diselamatkan ini, ditempatkan untuk pemulihan dan perlindungan di Desa Bina Diri kendalian JKM untuk sesuatu tempoh tidak lebih dari tiga tahun dan akan kembali semula kepada masyarakat selepas tamat Perintah Mahkamah.

Angka ini pasti dapat dikurangkan sekiranya kita menjadi rakyat yang prihatin terhadap gejala sosial ini. Elakkan dari memberi sumbangan kita kepada pengemis-pengemis jalanan apatah lagi kepada mereka yang terlibat dalam sindiket mengemis yang bertopengkan nama agama Islam. Selain daripada kita menunaikan zakat fitrah yang di fardhukan, salurkan derma dan sumbangan melalui saluran yang tepat agar sedekah jariah kita dapat memberi manfaat terutama bagi rumah anak-anak yatim, ibu tunggal, warga emas yang fakir, jiran tetangga yang miskin, masjid dan surau serta kepada NGO Islam.

Dan bersempena bulan Ramadan penuh barakah ini juga khatib ingin mengajak para jemaah dan umat Islam untuk menghulurkan sumbangan dan sedekah kepada tabung dana kemanusiaan Syria bagi tujuan membantu umat Islam Syria. Pungutan tabung masjid di seluruh negeri pada Jumaat hari ini akan diserahkan kepada wakil umat Islam Syria, Syeikh Kurayyim Rajih seorang ulama dari Syria.

Mudah-mudahan dengan sedekah yang kita salurkan itu akan mampu memberi sinar harapan kepada insan yang sangat memerlukan bagi kelangsungan hidup dan menikmati kehidupan yang lebih baik serta dapat meningkatkan kesejahteraan ummah.

Menangani isu pengemis dan sedikit pengemisan ini hanya akan tercapai apabila semua golongan masyarakat dapat berganding bahu dan bersatu hati bersama agensi kerajaan dalam membentasi gejala sosial yang tidak sihat ini. Orang ramai digalakkan memberi maklumat atau membuat aduan mengenai aktiviti pengemisan di kawasan persekitaran kepada pihak berkuasa yang berhampiran untuk tindakan lanjut.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah bersama-sama kita merenung ayat: 2, Surah Al-Maidah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تُحْلُوْا شَعِيْرَ اللّٰهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْاَهْدٰى وَلَا الْقَلْبَيدَ وَلَا ءَامِيْنَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُوْنَ  
فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَاِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوْا وَلَا تَجْرِمْنٰكُمْ سَنَآءُ قَوْمٍ اَنْ صَدُّوْكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ اَنْ تَعْتَدُوْا وَتَعَاوَنُوْا عَلٰى الْاِيْمِ وَالْعُدُوْنَ ؕ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ شَدِيْدُ

الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar ugama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang yang menuju ke Baitullah Al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaan-Nya (dengan mengerjakan Ibadat Haji di tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid Al-Haraam itu - mendorong kamu menceroboh. dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."

بَارِكْ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. اَقُوْلُ قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ  
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْاَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، اِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.